




HAIWAN

INFO RINGKAS

Organ Pernafasan Haiwan


- Haiwan bernafas untuk mendapatkan **oksigen**.
- Haiwan bernafas menggunakan **organ pernafasan** masing-masing.
- Haiwan yang berlainan** mempunyai organ pernafasan yang **berbeza**.
- Organ-organ pernafasan bagi haiwan ialah **peparu, insang, spirakel** dan **kulit lembap**.



5 Haiwan boleh dikelaskan mengikut organ pernafasannya.

Organ pernafasan	Haiwan
Peparu	Tikus, penyu, lembu
Insang	Berudu, ikan, ketam
Spirakel	Rama-rama, lipas, belalang
Kulit lembap	Cacing, lintah, pacat

- Ada haiwan yang mempunyai lebih daripada satu organ pernafasan seperti katak, newt dan salamander.
- Katak bernafas melalui **peparu** ketika berada di darat. Katak bernafas melalui **kulit lembap** ketika berada di air.



Haiwan Vertebrata dan Haiwan Invertebrata

- Haiwan **vertebrata** ialah haiwan yang **bertulang belakang**.
- Contoh haiwan vertebrata ialah lembu, ikan, ular, katak dan burung.
- Haiwan **invertebrata** ialah haiwan yang **tidak bertulang belakang**.
- Contoh haiwan invertebrata ialah cacing, labah-labah, tapak sulaiman, semut dan siput.
- Haiwan vertebrata boleh dikelaskan kepada **mamalia, reptilia, amfibia, burung** dan **ikan**.
- Berikut adalah **ciri-ciri khusus** mamalia, reptilia, amfibia, ikan dan burung berkaitan organ pernafasan, cara pembiakan, litupan badan dan habitat serta contoh haiwan.

Mamalia

- Bernafas melalui peparu
- Melahirkan anak
- Berbulu halus
- Hidup di darat
- Contoh: Kambing

Reptilia

- Bernafas melalui peparu
- Bertelur
- Bersisik atau berkulit keras
- Kebanyakannya hidup di darat
- Contoh: Penyu

Ikan

- Bernafas melalui insang
- Bertelur
- Bersisik
- Hidup di dalam air
- Contoh: Ikan emas

Amfibia

- Bernafas melalui peparu dan kulit lembap
- Bertelur
- Kulit lembap
- Hidup di darat dan di air
- Contoh: Katak

Burung

- Bernafas melalui peparu
- Bertelur
- Berbulu pelepah
- Hidup di darat
- Contoh: Ayam

